

**KESESUAIAN PENGGUNAAN MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI (MPK)
BERTAJUK PROMOSI JUALAN BAGI MATA PELAJARAN PENGURUSAN
PROMOSI (P3704) DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER TIGA DIPLOMA
PEMASARAN.**

NORAZLINUN BINTI MUHAMAD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER, 2003

Buku ini didedikasikan dengan penuh kasih sayang kepada insan yang istimewa telah menjadi sumber inspirasi dalam hidup ini.

Terutamanya...

Cik, Aba, Mama, dan keluarga serta suami tersayang. Terima kasih kerana memberi dorongan selama ini...



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, penulis ingin memberikan sekalung penghargaan kepada penyelia Projek Sarjana, Tuan Haji Suhaimi Bin Haji Makminin atas segala tunjuk ajar yang telah beliau berikan kepada penulis sepanjang tempoh penyeliaan beliau. Kesabaran serta ketekunan beliau tidak dapat dinilai dan masa yang beliau korbankan semata-mata untuk menyelesaikan kekusutan pengkaji amatlah dihargai.

Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Politeknik Kota Bharu khasnya Ketua Jabatan Perdagangan iaitu En Azly Yong Abdullah yang telah memberi kebenaran kepada penulis untuk menjalankan kajian ini dan En Ahmad Fadzil Ahmad yang telah memberikan kebenaran menggunakan kelasnya di sepanjang kajian dibuat. Kepada responden kajian, terima kasih kerana telah membantu penulis serta memberikan kerjasama yang sangat memberangsangkan untuk penulis melaksanakan kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.



PTTA UTA
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TUN AMINAH

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan Modul Pembelajaran Kendiri sebagai bahan ujian terhadap gaya pembelajaran. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji kesesuaian penggunaan modul bagi mata pelajaran Pengurusan Promosi (P3704) untuk tajuk Promosi Jualan. Selain itu kajian ini juga ingin melihat samada modul ini dapat diterima dikalangan pelajar dan boleh dilaksanakan di politeknik . Kajian telah dijalankan ke atas para pelajar Diploma Pemasaran di Politeknik Kota Bharu. Respondan adalah terdiri daripada 43 orang pelajar semester tiga yang sedang mengambil mata pelajaran Pengurusan Promosi pada sesi 2003/04. Kajian ini melaporkan hasil kajian yang telah diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diedarkan. Maklum balas yang diperolehi melalui soal selidik ini telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 10.0 untuk mencari skor min dan peratus maklumbalas responden . Dapatan kajian menunjukkan tahap penerimaan pelajar adalah tinggi serta kesesuaian isi kandungan MPK yang dibina adalah sesuai. Pelajar juga mencadangkan agar modul ini dilaksanakan di politeknik pada masa akan datang. Beberapa cadangan dikemukakan di akhir bab bagi meningkatkan lagi kualiti penghasilan MPK sebagai bahan pengajaran pembelajaran.



ABSTRACT

This study uses self learning modules as a an evaluation of the learning behaviour. The purpose of the study is to identify students' acception towards the learning module, the suitability of the module and the chance to produce the module. This study was applied to Diploma in Marketing's students from Politeknik Kota Bharu. Respondents for this research comprised of 43 students from DPR 3, who took the subject of Promotion Management for the 2003/04 session. The finding of the study was reported by using questionnaire. To analyze data, the SPSS software version 10.0 are use to perform the mean score and percentage. From the analysis data, it was concluded that self learning module that develop by researchers is good and suitable for the Diploma in Marketing students. In the last session in this report, there were several proposals made toward the self learning module for improvement and future research



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
-----	---------	------------

	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACK	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB I

PENDAHULUAN

BAB I	PENDAHULUAN	
-------	-------------	--

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Persoalan Kajian	10

1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian.	11
1.7	Istilah Dan Definisi	12
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Limitasi Kajian	15

BAB 11 KAJIAN LITERATUR

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Konsep Modul	18
2.3	Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Bahan	20
2.4	Pengajaran Berasaskan Modul	21
2.5	Konsep Pembelajaran Bermodul	26
2.6	Tujuan Pembelajaran Bermodul	26
2.7	Kebaikan Pembelajaran Bermodul Kepada Para Pelajar.	28
2.8	Kebaikan Pengajaran Bermodul Kepada Para Pensyarah.	30
2.9	Kajian Lepas Mengenai Modul	31
2.10	Teori Pembelajaran	33
2.11	Kesimpulan	36

**BAB III
METODOLOGI KAJIAN**

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Pemilihan Sampel Kajian	38
3.4	Tempat Kajian	39
3.5	Instrumen Kajian	40
	3.5.1 Bahagian Soal Selidik	41
	3.5.2 Senarai Semak	43
3.6	Kajian Rintis	43
3.7	Proses Pengumpulan Data	44
3.8	Kaedah Analisis Data	45
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	49
3.10	Andaian	49

**BAB IV
REKA BENTUK PRODUK**

BAB IV	REKA BENTUK PRODUK	
4.1	Pengenalan	50
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	50
4.3	Objektif Modul Dihasilkan	52
4.4	Kandungan modul	52
4.5	Reka Bentuk Modul	54
	4.5.1 Bentuk Dan Ciri-Ciri Modul	55
	4.5.2 Bentuk Dan Ciri-Ciri Modul	56

4.6	Penilaian Produk	60
4.6.1	Pemilihan dan pembinaan instrumen	60
4.6.2	Fokus Penilaian	61
4.6.3	Cadangan Pembaikan	61
4.7	Masalah Dalam Menghasilkan Produk	61

BAB V

ANALISIS DATA DAN DAPATAN

BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN

5.1	Pengenalan	62
5.2	Analisis Latar Belakang Responden	63
5.3	Analisis Tahap Minat Responden Terhadap Mata Pelajaran Pengurusan Promosi	66
5.4	Analisis Kesesuaian Penggunaan Modul Pembelajaran Kendiri Yang Dihasilkan	67
5.5	Analisis Penerimaan Modul Pembelajaran Kendiri Yang Dibina Di Kalangan Pelajar.	69
5.6	Analisis Kebolehlaksanaan Modul Yang Dibina Di Politeknik	73
5.7	Rumusan	76



BAB VI
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	77
6.2	Perbincangan	78
6.3	Kesimpulan	84
	6.3.1 Kesimpulan Kesesuaian Penggunaan Modul	84
	6.3.2 Kesimpulan Samada Modul Ini Boleh Diterima Di Kalangan Pelajar	85
	6.3.3 Kesimpulan Kebolehlaksanaan Modul Di Politenik	86
6.4	Cadangan	86
	6.4.1 Kajian Ke Atas Modul	87
	6.4.2 Pelaksanaan Modul Di Politeknik	88
	6.4.3 Kajian Akan Datang	88
6.5	Penutup	89
	RUJUKAN	91
	LAMPIRAN	95



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Linkert	42
3.2	Keputusan aras maklumbalas responden	46
3.3	Pengiraan julat skor min	47
3.4	Rumusan julat skor min bagi tahap maklumbalas responden	47
3.5	Rumusan julat skor min bagi tahap maklumbalas responden mengenai kesesuaian, penerimaan dan kebolehlaksanaan modul.	48
5.1	Jantina Responden	64
5.2	Keturunan Responden	64
5.3	Kelulusan Responden	65
5.4	Latarbelakang Pendidikan Responden	65
5.5	Tahap Minat Responden Terhadap Matapelajaran Pengurusan Promosi	66
5.6	Dapatan Analisis Kesesuaian Penggunaan Modul Pembelajaran Kendiri Yang Dihasilkan	68
5.7	Analisis Penerimaan Modul Pembelajaran Kendiri Yang Dibina Di Kalangan Pelajar	70
5.8	Analisis Kebolehlaksanaan Modul Yang Dibina Di Politeknik	74

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Konsep modul	24
4.1	Proses Pembentukan Modul	60



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	95
B	Borang Senarai	101
C	Analisis Kebolehpercayaan	105
D	Surat Kesahan Modul	107



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia telah mengalami banyak perubahan dan berdasarkan perubahan ini maka sewajarnya pendidik memikirkan teknik-teknik pengajaran yang berkesan selain mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang ada sekarang ini. Penggunaan teknologi pendidikan yang semakin berkembang dalam dunia pendidikan masa kini diharap dapat memberikan peluang kepada semua pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan cara yang terbaik sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Menurut Wan Salihin Wong Abdullah, Hj Mat Jizat Abdol dan Mohd Bilal Ali (1999) pada masa kini aspek pedagogi iaitu pengajaran dan pembelajaran bukan lagi berbentuk satu hala atau dua hala tetapi dalam pelbagai mod dan keadaan. Dalam pendekatan yang pelbagai ini pensyarah perlulah menyediakan pelbagai pendekatan dan sumber dari segi penyampaian bahan pengajaran dan pelajar pula membina atau mengukuh kefahaman mengikut gaya pembelajaran masing-masing melalui pelbagai pendekatan dan sumber yang telah disediakan.

Menurut Conole & Oliver (1998) yang dipetik daripada Wan Salihin Wong Abdullah, Hj Mat Jizat Abdul dan Mohd Bilal Ali (1999) pula mencadangkan langkah-langkah berikut dalam usaha meningkatkan penyampaian sesuatu kursus atau mata pelajaran:

...involves a step by step analysis of requirement, starting of existing course, leading to the identification of information technologies (computer based) resources capable of enhancing learning, a specification of the types of venues capable of supporting this kind of learning, and a procedure for linking these scenarios together to form a new, cohesive and unified course.

Pada masa kini dalam mempelbagaikan kaedah P&P ini ramai pensyarah cuba menukar bentuk pengajaran mereka yang biasanya berbentuk berpusatkan pelajar atau berpusatkan pendidik kepada pendekatan pengajaran yang berasaskan bahan.

Kebanyakan proses pengajaran bukan lagi hanya tertumpu kepada seorang pensyarah sahaja kerana terdapat sesuatu proses pengajaran yang tidak memerlukan pensyarah untuk berada di dalam kelas semasa proses pengajaran sedang berlansung. Di sinilah wujudnya pengajaran berasaskan bahan. Terdapat pelbagai jenis bahan yang boleh digunakan antaranya modul bercetak atau dikenali juga sebagai modul sendiri.

Modul sendiri ini merupakan salah satu alat bantu mengajar yang digunakan dalam kaedah pengajaran terancang. Melalui kaedah pengajaran terancang ini pelajar boleh belajar sendiri mengikut kebolehannya sendiri. Ia juga dikenali sebagai Program Belajar Sendiri (*Programmed Self- Instruction*) atau Program Pembelajaran (*Programmed Learning*) (Mok Soon Sang, 2000).

Penggunaan bahan pengajaran sebenarnya secara tidak langsung dapat membantu guru dan pendidik atau pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Ia dikatakan dapat membantu meningkatkan proses komunikasi dalam pengajaran,

menyediakan pelbagai kaedah dan teknik mengajar, meningkatkan motivasi pelajar dan juga dapat melahirkan masyarakat yang bermaklumat serta berfikir kritis dan tajam.

Sistem Pendidikan jarak jauh pula telah menggunakan modul sendiri ini dengan meluas. Melalui pembinaan modul ini hubungan pelajar dengan pensyarah juga adalah melalui bahan pengajaran yang berbentuk modul. Pensyarah akan menyediakan modul yang sesuai dan pelajar boleh belajar secara sendiri kerana ia adalah lengkap dan menyeluruh.

Politeknik sendiri telah terdapat beberapa modul yang telah dibentuk oleh jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa pensyarah politeknik yang telah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Teknikal. Namun ia masih dalam tempoh percubaan untuk membiasakan pelajar dan pensyarah terhadap penggunaan modul tersebut sebagai alat P&P. Matlamat politeknik sendiri adalah untuk membina modul bagi setiap mata pelajaran yang disediakan di masa akan datang kerana terdapat pelbagai kekangan yang wujud pada masa kini yang memerlukan modul ini diwujudkan.

Pihak kerajaan sendiri sentiasa berusaha untuk sama-sama membantu dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara. Ini dapat dilihat dalam Bajet 2003 yang telah dibentang telah memperuntuk sebanyak 27% untuk meningkatkan kualiti pendidikan ini termasuklah dalam memberikan latihan kepada para pendidik dan juga penyediaan alat sokongan untuk proses P&P ini (Utusan Malaysia, 21 Sept 2002).

Dalam menghasilkan modul pembelajaran ini salah satu mata pelajaran telah dipilih iaitu Pengurusan Promosi yang ditawarkan di politeknik. Pembinaan modul ini dibuat untuk memberikan suasana pembelajaran yang baru kepada pelajar politeknik. Faktor-faktor tertentu telah dikaji sebagai mempengaruhi keperluan wujudnya modul ini yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam kajian ini. Sebagai memenuhi matlamat politeknik sendiri yang ingin membina lebih banyak modul sendiri sebagai bahan sokongan dalam P&P, pembinaan modul ini diharapkan akan dapat merealisasikan matlamat tersebut.

Kesimpulannya jika dilihat kepada komitmen oleh pihak kerajaan sendiri terhadap perkembangan kualiti pendidikan negara ini, seharusnya para pendidik harus sama-sama menyahut cabaran tersebut untuk membentuk kaedah P&P yang lebih berkesan, kreatif dan inovatif agar pelajar yang dihasilkan nanti akan juga bersifat kreatif dan inovatif dan berfikiran kritis.

1.2 Latarbelakang Masalah

Pada masa kini terdapat pelbagai kaedah digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan pengajaran di dalam bilik kuliah. Kaedah yang digunakan ini dipilih berdasarkan kepada kesesuaian mata pelajaran, saiz kelas, jumlah pelajar dan juga keupayaan dan kebolehan pelajar. Terdapat pelbagai kaedah digunakan seperti mengadakan kuliah secara sepenuhnya sepanjang sesi kelas, perbincangan dan menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar yang sesuai. Salah satu bahan bantu yang sering digunakan adalah modul sendiri. Modul ini boleh berbentuk modul pembelajaran dan juga modul pengajaran. Modul pembelajaran digunakan oleh pelajar dan modul pengajaran digunakan oleh pensyarah.

Modul pembelajaran yang dibina bukan sahaja disebabkan oleh faktor kemerosotan akademik semata-mata. Modul pembelajaran dibina untuk memudahkan proses pembelajaran berlaku dikalangan pelajar dan diharapkan pelajar akan lebih selesa untuk belajar dan akan memberikan keputusan peperiksaan yang lebih cemerlang.

Selain itu pada masa kini terdapat pelbagai modul dibina oleh para pendidik untuk memudahkan proses pendidikan dibuat akibat berlakunya perubahan yang semakin luas dalam proses pendidikan pada masa kini. Modul dikatakan salah satu bahan pendidikan yang efisien berbanding buku teks dan buku rujukan kerana modul merupakan gabungan kepada buku teks dan buku rujukan yang dibuat dalam bentuk

topik yang kecil yang menyediakan garis panduan dan arahan yang jelas supaya pelajar boleh belajar sendiri dalam apa jua keadaan dan masa.

Modul ini bukan hanya memberikan kemudahan kepada pelajar untuk belajar sendiri tetapi juga memberikan kemudahan kepada pensyarah dalam sesi pengajaran mereka. Ini kerana proses pengajaran dapat dijalankan dengan lebih mudah kerana pelajar telah mempunyai panduan apa yang akan dipelajari di dalam modul tersebut.

Selain itu ia juga dapat memotivasikan pelajar agar lebih berminat untuk belajar walaupun dalam kelas yang besar dan tidak mendapat perhatian yang sepenuhnya daripada pensyarah mereka. Menurut Maizurah Omar (2000), pengajaran berasaskan bahan ini dapat memotivasikan pelajar yang bertujuan untuk mendapatkan perhatian pelajar, sebagai stimulus, inspirasi, membentuk keseronokan dalam belajar, memudahkan pembelajaran dan menyediakan suasana pembelajaran yang efektif kepada para pelajar.

Selain daripada itu, ketiadaan bentuk bahan sokongan pengajaran yang sesuai juga sedang dihadapi di dalam kelas pada masa kini. Terdapat pensyarah yang cuba membina bahan pengajaran yang sesuai dalam proses pengajaran mereka tetapi ia tidak mampu untuk menarik minat pelajar kerana tidak mengambilkira ciri-ciri yang diperlukan. Keperluan bagi setiap manusia adalah berbeza, begitu juga kemahiran yang mereka yang ada.

Pendapat yang sama juga diberikan oleh Roger Sperry yang dipetik dari Quek Phang Hwee (2002), pembelajaran sebenarnya merupakan suatu proses yang bersifat individu. Pelajar mempunyai latarbelakang dan keupayaan yang berbeza. Oleh itu tanggapan terhadap apa yang diajar adalah berbeza antara satu sama lain. Jika dilihat hampir semua alat bantu pembelajaran pada masa kini adalah bersifat individu. Di dalam dewan kuliah di institusi pengajian tinggi terdapat seramai 200 pelajar di dalam kelas yang menghadiri kuliah. Keadaan ini sudah pasti akan menyukarkan pensyarah untuk mengajar dan para pelajar tidak dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap

apa yang dipelajari. Dengan wujudnya modul pembelajaran ini maka masalah ini akan dapat diatasi.

Politeknik yang merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang semakin berkembang juga memerlukan bahan pengajaran yang efisien untuk membantu meningkatkan proses pengajaran supaya menjadi lebih efisien dan mudah. Terdapat beberapa modul telah dibina di politeknik tetapi ia masih diperingkat percubaan. Modul ini dibina oleh jawatankuasa yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah politeknik seluruh Malaysia yang dilantik oleh Jabatan Pendidikan Teknikal.

Berdasarkan kajian rintis yang telah dibuat oleh penyelidik juga didapati para pensyarah amat mengalu-alukan modul ini dibentuk terutama bagi mata pelajaran Pengurusan Promosi ini kerana sebelum ini para pelajar hanya bergantung kepada teks yang disyorkan yang mempunyai banyak tajuk yang amat menyukarkan proses ulangkaji dibuat. Selain itu sehingga kini tidak ada modul dibina untuk mata pelajaran ini kerana ia adalah salah satu mata pelajaran baru yang ditawarkan di politeknik. Modul sebegini amat digemari oleh para pelajar kerana ia akan memudahkan proses mengulangkaji dibuat untuk tujuan peperiksaan. Mereka berpendapat apabila menggunakan buku teks, terdapat beberapa konsep yang sukar difahami dan nota kuliah sahaja adalah tidak mencukupi.

Selain itu para pelajar juga berpendapat mereka lebih gemar untuk menggunakan modul bercetak berbanding modul yang disediakan dalam bentuk CD atau bersifat elektronik kerana tidak semua dikalangan pelajar politeknik mempunyai kemudahan komputer dan sukar untuk dibawa kemana-mana untuk dibaca. Modul bercetak ini lebih mudah untuk dibawa kemana-mana termasuk di dalam kelas semasa sesi kuliah diadakan untuk dijadikan panduan.



1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Stephen Brookkfield (1995), di dalam artikelnya yang bertajuk *Adult Learning: An Overview*, terdapat beberapa isu yang perlu diketahui oleh pendidik dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar dewasa. Menurut beliau, pelajar dewasa mempunyai kaedah pembelajaran tersendiri. Mereka mempunyai matlamat pembelajaran sendiri dan lebih suka belajar secara berdikari (*Self-Directed Learning*). Melalui pembelajaran sendiri ini mereka boleh menetapkan matlamat pembelajaran mereka, mendapatkan sumber pembelajaran yang mereka rasakan sesuai dan memilih waktu yang paling selesa untuk mereka belajar. Melalui kajian ini pengkaji telah mengkaji kesesuaian modul pembelajaran yang dibina samada sesuai ataupun tidak untuk digunakan oleh pelajar untuk memenuhi kehendak pembelajaran mereka.

Namun menurut Mohd Faudzi Ab Hamid (1989), masalah utama yang timbul apabila ingin membangunkan modul adalah bagaimana hendak menyediakan modul untuk kegunaan pelajar yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang, kebolehan, minat, pengetahuan sedia ada dan citarasa yang berbeza. Masalah lain yang diambil kira adalah mengenai peruntukan kos yang tinggi dalam penyediaan setiap modul.

Selain itu juga menurut kajian yang telah dibuat oleh Mohd. Faudzi Ab Hamid (1989) juga, pada masa kini terdapat satu pendekatan popular dalam pendidikan iaitu penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran. Beliau mendapati pelajar lebih selesa untuk melakukan sendiri proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan sendiri kerana ia lebih memberikan kepuasan kepada mereka dalam melaksanakan proses pembelajaran mereka. Oleh itu penyelidik telah membuat kajian untuk melihat adakah modul yang telah dibangunkan dapat memudahkan dan memberikan keselesaan kepada pelajar.

Banyak juga kajian telah diadakan untuk pembinaan modul bagi mata pelajaran matematik, sains dan teknikal. Namun tidak banyak modul dibina untuk mata pelajaran bagi aliran pengurusan dan juga kemanusiaan. Pendapat yang sama juga telah diberikan oleh Tom Loveland (1999) iaitu, banyak modul dibina untuk kemudahan pelajar, terutamanya bagi pelajar aliran teknikal dan sains. Selain dari bersifat fleksibel ia juga akan menjimatkan wang pelajar kerana pelajar tidak perlu membeli banyak buku rujukan. Melalui modul yang dibina pelajar telah dipersembahkan dengan pengetahuan yang menyeluruh dan meliputi semua aspek pembelajaran bagi sesebuah mata pelajaran. Jadi melalui kajian ini penyelidik telah membina sebuah modul bagi mata pelajaran dalam bidang pengurusan dan menguji samada modul tersebut sesuai digunakan ataupun tidak.

Kajian yang telah dibuat oleh Lyanna J. Ausburn (2002) pula mendapati bahawa terdapat satu persekitaran baru di pusat pengajian tinggi. Iaitu pada masa kini para pensyarah banyak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan bahan dan salah satu bahan yang banyak digunakan adalah modul sendiri. Melalui kajian tersebut juga didapati pelajar akan dapat mendisiplinkan diri mereka sendiri dalam pembelajaran dan lebih bermotivasi dalam pembelajaran. Jadi penyelidik telah membuat kajian untuk mengkaji samada modul yang telah dibangunkan akan dapat memotivasikan pelajar dan dapat mendisiplinkan diri mereka dalam belajar.

Kajian yang telah dibuat oleh Hallawell (1987) yang dipetik dari Silbertien dan rakan-rakan (1991) pula mendapati akibat daripada berlakunya perubahan dalam sistem hidup masyarakat, keperluan manusia juga mengalami perubahan termasuklah keperluan pendidikan. Setiap pelajar mempunyai kehendak dan keinginan untuk berjaya. Bagi mencapai matlamat ini pelbagai usaha akan dibuat oleh ibu bapa sendiri untuk memastikan anak mereka akan dapat belajar dengan selesa. Jadi mereka akan sentiasa peka kepada perubahan semasa mengenai apa sahaja peluang pendidikan yang ada termasuklah bahan sokongan untuk membantu pembelajaran mereka. Modul sendiri merupakan salah satu bahan yang menjadi pilihan ibu bapa untuk disediakan kepada anak mereka. Situasi ini sering wujud di negara barat. Selain bertujuan untuk

menggalakkan dan memotivasikan anak mereka untuk belajar, bahan sokongan ini juga akan memudahkan proses pembelajaran dilaksanakan. (Silbertien dan rakan-rakan, 1991)

Menurut Nor Rizan Mohd Idris (2002) pula, dalam pengajaran tradisional, pensyarah lebih aktif berbanding pelajar kerana perlu memberikan penerangan yang jelas, manakala pelajar pula hanya menjadi pelajar yang pasif. Hubungan seperti ini tidak menggalakkan untuk mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurutnya lagi kaedah pengajaran berbentuk penerangan adalah kurang sesuai untuk mata pelajaran perdagangan kerana mata pelajaran ini memerlukan kepada wujudnya interaksi dua hala agar pelajar lebih mudah memahami apa yang dipelajari.

Walaupun pada masa kini telah banyak wujud modul pembelajaran sendiri berbantuan komputer, modul bercetak masih diperlukan kerana ia lebih berkesan. Pembangunan modul berbantuan komputer merupakan satu pembaharuan yang dibuat dalam membina bahan pengajaran (Yusup Hashim, 1999). Namun kewujudannya hanya berfungsi sebagai bahan sokongan kepada modul bercetak. Ia tidak dapat menggantikan modul bercetak secara keseluruhan kerana bahan bercetak tidak bergantung kepada teknologi atau peralatan untuk digunakan. Ia boleh berdiri sendiri berbanding modul berkomputer yang memerlukan peralatan seperti komputer untuk digunakan (Yusup Hashim, 1999).

Booth dan rakan-rakan (2001) pula berpendapat, dalam kaedah pembelajaran tradisional, guru atau pensyarah banyak mendedahkan nota kepada pelajar. Banyak masa di dalam kelas dihabiskan untuk menyalin nota dan ini tidak menggalakkan wujudnya komunikasi dua hala diantara guru dan pelajar. Di dalam kelas mata pelajaran pengurusan, pensyarah mengharapkan pelajar dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dengan situasi semasa. Jika pelajar hanya menyalin nota dan mendengar kuliah yang diberikan mereka tidak diberi peluang untuk memberi pendapat untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari. Jadi penyelidik telah membina modul ini untuk memberi peluang kepada pelajar untuk membaca dahulu konsep dan tajuk yang

akan dipelajari dan apabila mereka hadir ke kelas, mereka tidak perlu lagi menyalin nota, tetapi terus mengadakan perbincangan untuk mengaplikasikan nota yang telah dibaca bersama dengan pensyarah.

Berdasarkan kepada masalah yang telah dibincangkan di atas, penyelidik telah membuat satu kajian melalui produk yang dihasilkan iaitu modul pembelajaran sendiri bercetak untuk mata pelajaran Pengurusan Promosi (P3704) bagi topik 5 iaitu Promosi Jualan. Secara umumnya kajian yang telah dibuat ini adalah mengkaji kesesuaian dan penerimaan modul yang dibina dan juga kebolehlaksanaan modul ini dikalangan pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik ini sebenarnya adalah untuk menjawab beberapa persoalan. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

1. Adakah Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Promosi Jualan ini sesuai digunakan oleh pelajar semester 3, Kursus Diploma Pemasaran dalam pembelajaran mereka?
2. Adakah Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Promosi Jualan ini dapat diterima dikalangan pelajar semester 3, Kursus Diploma Pemasaran dalam pembelajaran mereka?
3. Adakah Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Promosi Jualan ini dapat dilaksanakan dan dapat digunakan oleh pelajar semester 3, Kursus Diploma Pemasaran dalam pembelajaran mereka?

1.5 Tujuan Kajian

Kajian yang telah dibuat oleh penyelidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada pelajar tentang modul pembelajaran sendiri yang telah dibina. Aspek maklumbalas yang ingin dilihat oleh penyelidik adalah mengenai pendapat responden tentang kesesuaian modul yang dibina, penerimaan terhadap modul yang dibina dan juga pendapat mereka mengenai kebolehlaksanaan modul tersebut di politeknik.

1.6 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik dalam mengadakan kajian ini. Objektif kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik ini adalah seperti berikut:

1. Mendapatkan maklumbalas mengenai kesesuaian penggunaan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Promosi Jualan yang dibina dari kalangan pelajar semester 3, Kursus Diploma Pemasaran.
2. Mengkaji samada Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Promosi Jualan yang dibina dapat diterima dikalangan pelajar semester 3, Kursus Diploma Pemasaran.
3. Mengenalpasti kebolehlaksanaan penggunaan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Promosi Jualan dikalangan pelajar semester 3, Kursus Diploma Pemasaran.

Rujukan

- Abdul Razak Mohd Zain, Othman Karim, Ab Zayin Abdullah dan Raudzah Othman (1999). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri Dalam Menyelesaikan Masalah Pengiraan Imbangan arus, Voltan dan Rintasan : Sains KBSM Tingkatan 3. *Jurnal Kajian Tindakan*. Jilid 2 November. Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat.
- Ausburn, L. J. (2002). "The Freedom Versus Focus Dilemma In A Customized Self – Directed Learning Environment: A Comparison Of The Perceptions Of Adult And Younger Students." *Community College Journal of Research and Practice*. 26. 225-235.
- Barker, J. & Tucker, R.N. (1990). "The Interactive Learning Revolution." New York : Basil Blackwell Ltd.
- Bednarski, D. Ceccanese, K. Lake, E. and Miloch, M. A. (1999). "Building Confidence and Competence: Self – Learning Modules." Vol 8. 203-205.
- Booth, M. K. & James, B. W. (2001) "Interactive Learning In A Higher Education Level 1 Mechanic Module". *Research Report*. Vol 23, 9. 955-967.
- Brookfield, S. (1995). "Adult Learning : An Overview." International Encyclopedia of Education. Oxford, Pergamon Press.
- Chowdry , U. (2002). " An Intergenerational Curricular Module For Teaching Aging Appreciation To Seventh-Graders." *Educational Gerontology*. 28. 553-560.
- David Warwick. (1988). "Teaching and Learning Through Modules." Oxford England: Basil Blackwell Ltd.

- Dr Anung Haryono (2002) "Self Learning Materials (Module): The Concept and Format". School of Distance Education. Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.
- Dr Maizurah Omar, Dr Fattami Mokhtar. (2000). *Penggunaan Televisyen Dalam Pengajaran Bilik Darjah*. Universiti Sains Malaysia.
- Rex M. G. (1988). *Modules From Design To Implementation*. Second Edition. Manila. The Colombo Plan Staff College For Technician Education.
- Hayden, M. and Thompson (1996). "An Investigation Of The Effectiveness Of An Evaluation Instrument Designed For Use With Modular Masters Courses In A Range Of International Contexts." *Assessment & Evaluation In Higher Education*. Vol 21. 55-68.
- Heinich, R., Molenda, M. & Russell, J.D., "Instructional Media And The New Technologies Of Instruction". (edisi ke 5), Macmillan, New York, 1993.
- Loveland, T. (1999). "Adapting Modular Curriculum In The Classroom". *Technology Teacher*. Vol 58. 10-16.
- Mohd Faudzi Abd Hamid (1989). "Kaedah Pembelajaran Dengan menggunakan Modul". *Wawasan*. Januari hlmn 11-19.
- Mohd Khatim Hassan. (2000). *Pembelajaran Matematik Di Era Digital: pendekatan Dan Caranya*. Unversiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Najib Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbitan UTM.
- Mok Son Sang. (2000). *Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran (edisi kedua)*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Moshe Silberstein (1991). "The Expert Case Study Model: An Alternative Approach To The Development Of Teacher Education Module." *Journal of Education Teaching*. Vol 17. 165-180.

- Nor Rizan Mohd Idris. (2002). "Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Pengiklanan (1999). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri Dalam Menyelesaikan Masalah (MPP) Di Politeknik Port Dickson. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Ijazah Sarjana. 89-105.
- Quek Phang Hwee. (2002). *Modul Pengajaran Multimedia Bahan Kimia Untuk Pengguna*. KUSTEM, UPM. Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Romiszowski, A.J.(1988). "The Selection And Use Of Instructional Media." New York : Nicholas Publishing.
- Shaharom Bin Noordin & Dr Yap Kueh Chin (1991). "Ke arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul. " *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 7. hlm 89-105.
- Shaharom Bin Noordin & Dr Yap Kueh Chin (1991). "Mereka bentuk dan Menilai Modul Pengajaran Kendiri (MPK)." *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 8. hlm 17-44.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). "Teknologi Pengajaran – Konsep Asas dan Pendidikan Sistem." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)
- Siti Fatimah Azali. (2002). "Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Teori Kos Pengeluaran Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Ijazah Sarjana.
- Stern, N. & Stern, R. (1996). "Computing In The Information Age". Second edition. New York : John Wiley & sons, Inc.
- Suradi Salim (1989). "Kearah Keberkesanan Pengajaran Di IPT" *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Jilid 13, hlmn 69-81.
- Wan Salihin Wong Abdullah, Hj Mat Jizat Abdol, Mohd Bilal Ali. (1999). *Teknologi Pengajaran Pembelajaran, Anjakan dan pelaksanaannya*. Konvensyen Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Yusup Hashim (1999). "Are Instructional Design Elements Being Used In Module Writing." *British Journal of Educational Technology*. Vol 30. 341-358.

Yusup Hashim (2002) "Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan". Selangor , Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH